

Nama Syarikat

Hyper Electro Enterprise Sdn. Bhd

(Pengedar Barang Elektrik)

ETR 300

Disediakan untuk :

En. Nordin Ali
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Perlis.

Disediakan oleh:

Mashitah Bt Abd. Rashid	95286844
Shuhada Bt. Sabdin	95296735
Nur Shafinee Bt. Abd. Ghani	95637779
Faizah Bt. Harun	95395844
Rozzana Bt. Abd. Latch	95159475

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

MUKADDIMAH	i
SURAT PENYERAHAN	ii
PENGHARGAAN	iv
LOGO	vi
Pengenalan	1
LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	4
RANCANGAN PENTADBIRAN	9
RANCANGAN PEMASARAN	23
RANCANGAN OPERASI	41
RANCANGAN KEWANGAN	54
KESIMPULAN	77
LAMPIRAN	78

PENGENALAN

Kami telah menceburkan diri dalam bidang pengedaran barang-barang elektrik dimana dengan penubuhan syarikat kami ini akan dapat memenuhi keperluan serta kehendak pengguna. Barang-barang elektrik kini lebih mendapat perhatian pada jabatan-jabatan kerajaan dan juga swasta termasuk sekolah-sekolah.

Kami telah memilih lokasi untuk syarikat kami di tengah-tengah kawasan pusat bandar iaitu di Looking Good lama, Kangar, Perlis. Kami juga bercadang memulakan perniagaan kami pada 1 Januari 2000. Memandangkan lokasinya yang strategik dan juga banyak kemudahan kepada para pelanggan seperti tempat letak kereta, tandas, gerai makan dan sebagainya. Di dalam mencapai matlamat wawasan 2020, kami cuba untuk mengembangkan lagi perniagaan kami walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan juga ingin meninggikan martabat melayu.

Memandangkan lokasi yang kami pilih adalah strategik dari segi pelbagai kemudahan, maka kami menjangkakan perniagaan ini mempunyai daya maju untuk berkembang. Walaupun ada sesetengah pihak yang menganggap perniagaan ini sudah biasa dan sudah banyak ditubuhkan tetapi kami akan tetap memajukan perniagaan ini sehingga berjaya.

LATAR PERNIAGAAN

BELAKANG

Nama Perniagaan : Hyper Electro Sdn. Bhd.

Alamat Perniagaan : No 1,2,3,4,5,
Bangunan KWSP,
Jalan Bukit Lagi,
01000 Kangar, Perlis.

Alamat Surat-Menyurat : -SDA-

No. Telefon : Dalam Proses

Bentuk Perniagaan : Sendirian Berhad

Kegiatan Utama : Mengedarkan Barang Elektrik

Tarikh Memulakan
Perniagaan : 1 Januari 2000

Tarikh Pendaftaran
Perniagaan : Dalam Proses

Nombor Pendaftaran
Perniagaan : Dalam Proses

Nama Bank : Dalam Proses

Nombor Akaun Bank : Dalam Proses

TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Rancangan Perniagaan ini disediakan oleh Hyper Electro Sdn. Bhd. Bertujuan untuk

:

- a) Bagi memohon pembiayaan kewangan sebanyak RM 1,000,000 daripada Bank Bumiputra Malaysia Berhad untuk krgunaan modal pusingan perniagaan melalui Skim Modal Asas.
- b) Meyakinkan pihak-pihak tertentu bahawa Syarikat Hyper Electro berkemampuan untuk berdaya maju di masa hadapan.
- c) Memberi garis panduan dalam menguruskan perniagaan supaya mencapai objektif syarikat.
- d) Mengkaji peratusan keuntungan yang bakal diperolehi melalui ramalan yang telah dibuat.
- e) Memastikan sumber-sumber dalam pengeluaran digunakan dengan sebaik mungkin tanpa pembaziran dan mencapai pulangan yang optima kepada pelanggan.